

0627

R B601 BAH
PARLIMEN - SPR

KUALA LUMPUR, 14 MAC (BERNAMA) -- PERSOALAN MENGENAI PERANAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR) SEBAGAI SEBUAH BADAN BEBAS YANG SERING DITIMBULKAN OLEH DAP SEJAK KEBELAKANGAN INI LEBIH BERTUJUAN UNTUK MENIMBULKAN KERAGUAN MENJELANG PILIHAN RAYA, KATA PERDANA MENTERI MALAM INI.

KATANYA, BELIAU PASTI TUJUAN DAP BERBUAT DEMIKIAN IALAH UNTUK MEMUDAHKAN PARTI ITU MENDAKWA PERJALANAN PILIHAN RAYA TIDAK SAH SEKIRANYA IA KALAH BERTANDING.

SEMASA MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN DALAM PERBAHASAN PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DI DEWAN RAKYAT, PERDANA MENTERI BERKATA SPR SEJAK DAHULU LAGI SEMEMANGNYA DIAKUI SEBAGAI SEBUAH BADAN BEBAS DAN TIDAK MENYELEWENG.

JIKA SPR TIDAK BEBAS, TIDAK MUNGKIN PEMBANGKANG MEMENANGI BANYAK KERUSI SEPERTI PADA PILIHAN RAYA 1986 SEHINGGA MENGALAHKAN GERAKAN DAN MCA, KATANYA.

BELIAU BERKATA KEBEBASAN YANG DIAMALKAN OLEH SPR JAUH BERBEZA JIKA DIBANDING DENGAN BEBERAPA NEGARA LAIN. -- LAGI
2246MST 14 03 90

0628

R B602 BAH
PARLIMEN - SPR 2, KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENAFIKAN DAKWAAN DAP BAHAWA UMNO ADA MEMBERI ARAHAN KEPADA SPR UNTUK MENGADAKAN GERAKAN PENDAFTARAN KHUSUS BAGI MENDAFTAR KIRA-KIRA 300,000 ANGGOTA PARTI ITU.

KETUA PEMBANGKANG, ENCIK LIM KIT SIANG MENDAKWA, ARAHAN ITU DAPAT DIBUKTIKAN MELALUI SURAT PEKELILING OLEH SETIAUSAHA BADAN PERHUBUNGAN UMNO KELANTAN.

+SEBENARNYA UMNO TIDAK PERNAH MENGELUARKAN SEBARANG ARAHAN UNTUK MENGADAKAN GERAKAN ITU. JIKA ADA SURAT ITU, KEMUNGKINAN IA DIKELUARKAN OLEH ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB+, KATANYA SAMBIL MENAMBAH DAP MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA ITU UNTUK MENDAKWA SPR.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA DALAM HAL INI SPR LANGSUNG TIDAK BERSALAH SEHINGGA DIDAKWA SEBAGAI TIDAK BEBAS DAN BERPIHAK KEPADA KERAJAAN.

PADA KETIKA INI, ENCIK LIM BANGUN BERTANYAKAN TENTANG SURAT PEKELILING DARIPADA SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK MOHAMED RAHMAT BERTARIKH 15 SEPT TAHUN LEPAS MENGENAI PERSEDIAAN PILIHAN RAYA UMUM DAN PENDAFTARAN PEMILIH YANG MERUJUK KEPADA KEPUTUSAN MAJLIS TERTINGGI PARTI PADA HARI SEBELUMNYA.

PERDANA MENTERI MENJAWAB MAJLIS TERTINGGI TIDAK PERNAH MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM HAL YANG BERKAITAN DAN MENGAKUI ADAKALANYA SETIAUSAHA AGUNG TERSILAP. -- LAGI
2249MST 14 03 90

D644

R B610 BAH
PARLIMEN - SPR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA DALAM HAL INI JUGA SPR TIDAK BOLEH DIKAITKAN KERANA BUKAN BADAN ITU YANG MENULIS SURAT SEDEMIKIAN.
+SAYA SENDIRI TIDAK PERLU MEMBERI ARAHAN KEPADA SPR KERANA INI BUKAN HAK SAYA+, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERUNTUKAN YANG MENGHALANG MANA-MANA ANGGOTA DEWAN RAKYAT DAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI DARIPADA BERTANDING SEMULA MEREKUT KERUSI YANG SAMA DALAM TEMPOH LIMA TAHUN SELEPAS MELETAKKAN JAWATAN, HANYA MELIBATKAN MEREKA YANG SENGAJA BERBUAT DEMIKIAN.

+CALON DARIPADA PARTI YANG SAMA MASIH BOLEH BERTANDING UNTUK KERUSI ITU+, KATANYA.

BELIAU BERKATA, ADALAH MENJADI AMALAN KERAJAAN MENYALURKAN KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT DI SETIAP KAWASAN SEPANJANG MASA DAN TIDAK HANYA PADA PILIHAN RAYA KECIL SEMATA-MATA. -- LAGI
2338MST 14 03 90

D645

R B611 BAH
PARLIMEN - SPR 4 KUALA LUMPUR

OLEH ITU, DALAM MENGHALANG PILIHAN RAYA KECIL YANG SENGAJA DIADAKAN, KERAJAAN LEBIH MEMIKIRKAN KEPENTINGAN RAKYAT DENGAN TIDAK MAHU MEMBAZIRKAN WANG DAN MASA RAKYAT, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGUR PENDAPAT MENGATAKAN TIDAK ADA SALAHNYA ANGGOTA DEWAN MELETAK JAWATAN DAN BERTANDING SEMULA DI KAWASAN YANG SAMA KOŃONNYA KERANA HENDAK MENGUJI PENDAPAT RAKYAT.

BELIAU MEMBERI CONTOH TINDAKAN DATUK SHAHRIR SAMAD (BN-JOHOR BAHARU) YANG MELETAK JAWATAN ATAS ALASAN ITU DAN BERTANDING ATAS TIKET BEBAS SEMASA TIDAK SETUJU DENGAN UMNO BARU.

KEMUDIAN SELEPAS MENANG TIDAK PULA MENEPATI JANJINYA PADA PENGUNDINYA ATAU MENEMUI SEMULA MEREKA UNTUK BERTANYAKAN SAMA ADA BELIAU BOLEH MEMASUKI UMNO, KATANYA.

PERDANA MENTERI TURUT MENJELASKAN MENGENAI HUJAH DATUK SHAHRIR DALAM PERBAHASANNYA MENGENAI +KUASA SEBENAR TERLETAK DI TANGAN RAKYAT+. -- LAGI
2340MST 14 03 90

D646

R B612 BAH
PARLIMEN - SPR 5 KUALA LUMPUR

KATANYA, APA YANG DIMAKSUDKAN OLEH BELIAU MENGENAI FALSAFAH ITU DALAM SATU TEMURAMAH DENGAN PENGARANG SEBUAH BUKU; LEBIH TERTUMPU KEPADA SATU-SATU KEPUTUSAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM.

INI KERANA HANYA PADA PILIHAN RAYA UMUM SAHAJA KEHENDAK RAKYAT KESELURUHANNYA DALAM MENENTUKAN SIAPA YANG HARUS BERKUASA UNTUK MEMERINTAH, DAPAT DIPASTIKAN SECARA SAH DAN BUKANNYA MELALUI SESUATU PILIHAN RAYA KECIL.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT BAHAWA KERAJAAN SEDANG MENKAJI ORDINAN DARURAT DAN EMPAT PENGISYTIHARAN DARURAT YANG TELAH DIKUATKUASAKAN.

PENGISYTIHARAN ITU IALAH SEMASA KONFRONTASI DENGAN INDONESIA PADA 3 SEPT 1964, SEMASA USAHA MENJATUHKAN KETUA MENTERI SARAWAK KALONG NINGKAN PADA 14 SEPT 1966, RUSUHAN KAUM PADA 13 MEI 1969 DAN USAHA MENJATUHKAN KERAJAAN PAS DI KELANTAN PADA 8 NOV 1977.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SOKONGAN NEGARA PADA PERJUANGAN NELSON MANDELA ADALAH BERDASARKAN PERJUANGAN MENDAPATKAN HAK ASASI RAKYAT MAJORITI NEGARA ITU. -- LAGI
2342MST 14 03 90

D647

R B613 BAH
PARLIMEN - SPR 6 KUALA LUMPUR

DALAM HAL INI, GESAAN MANDELA SUPAYA AFRIKA SELATAN MEMANSUHKAN UNDANG-UNDANG DARURATNYA DISOKONG, KERANA KEADAANNYA BERBEZA IAITU IA MENAFIKAN HAK RAKYAT MAJORITI NEGARA ITU DALAM SEMUA SEGI.

MENGENAI KETIDAKBEBASAN SISTEM KEHAKIMAN DAN PERSOALAN MENGENAI HUKUMAN YANG DIKENAKAN KEPADA BEKAS KETUA HAKIM NEGARA TUN SALLEH ABAS, BELIAU BERKATA PEMECATAN TUN SALLEH PADA KETIKA ITU DIAMBIL ATAS SALAHLAKUNYA DAN TIDAK BERKAITAN DENGAN POLITIK.

PINDAAN ITU DILULUSKAN SELEPAS PUKUL 9 MALAM SETELAH DIADAKAN UNDI BELAH BAHAGIAN SEBANAYK TIGA KALI IAITU DI PERINGKAT MAJLIS, JAWATANKUASA DAN PADA MAJLIS SEMULA.

PADA KIRAAN KALI PERTAMA DAN KEDUA JUMLAH UNDIAN IALAH 125 MENYOKONG DAN 26 MENENTANG. MANAKALA PADA KIRAAN KALI KETIGA JUMLAH MENYOKONG KURANG SEORANG IAITU 124 KERANA ANGGOTA BERKENAAN KELUAR DARI DEWAN DAN 26 MENENTANG.

DUA PEMBAHAS YANG MENENTANG PINDAAN ITU, DATUK SHAHRIR DAN HAJI IBRAHIM ALI (SEMANGAT 46-PASIR MAS), BAGAIMANAPUN TIDAK HADIR SEMASA MENGUNDI. BEGITU JUGA BEBERAPA ANGGOTA SEMANGAT 46 TERMASUK TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN DATUK RAIS YATIM YANG SEBELUMNYA MENGEMUKAKAN USUL MENGENAI KESAHIHAN PENCALONAN WAKIL BARISAN NASIONAL DATUK SUHAIB LAZIM BAGI PILIHAN RAYA KECIL PANTAI MERDEKA. -- BERNAMA
2344MST 14 03 90